



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE
 KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
 NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
 Faks : 03-8882 3893
 03-8882 3894
 Web : www.treasury.gov.my

SULIT

Ruj. Tuan : MPC(PCT)100.2/1
 Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-15/8/35 (9)
 Tarikh : 16 Oktober 2020

YBhg. Dato' Lokman Hakim bin Ali
 Ketua Setiausaha
 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
 Aras 28, MITI Tower
 No. 7 Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

SGA Mahadi
Unit PCT

No. Faks: 03-6211 0536

YBhg. Dato',

PELAKSANAAN PROGRAM BUSINESS TOWARDS INDUSTRY 4.0 DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI VENDOR BUMIPUTERA (PPKV)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk permohonan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) yang diterima melalui sistem *Electronic Government Procurement Application (eGPA)* pada 29 September 2020 mengenai perkara di atas. Maklumat tambahan yang diterima melalui emel bertarikh 12 Oktober 2020 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) bersetuju meluluskan permohonan MPC untuk melantik tiga (3) syarikat iaitu syarikat Sustainable Industrial Revolution & Innovation (SIRI), syarikat Powernode Solution (PS) dan syarikat LPS Learning Platform (LLP) secara rundingan terus bagi pelaksanaan Program *Business Towards Industry 4.0* (Industry4wrds) di bawah Program Pembangunan Kapasiti Vendor Bumiputera (PPKV) dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM180,600.00 (tidak termasuk 6% Cukai Perkhidmatan) bagi tempoh selama tiga (3) bulan dengan perincian seperti di **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1

Bil	Nama Syarikat	Modul/Perolehan	Anggaran Nilai Perolehan (RM)
a.	SIRI	Modul 1: Penilaian Kesediaan Industri 4.0	47,700.00
b.	PS	Modul 2: Pembangunan Kapasiti Industri 4.0	22,200.00
c.	LLP	Modul 3: Intervensi Industri 4.0	110,700.00
Nilai Keseluruhan Perolehan: RM180,600.00			

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- Peruntukan telah diluluskan dan mencukupi bagi perolehan ini;
- Semua peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya;



MOF.BPK(S)600-15/8/35 (9)

16 Oktober 2020

SULIT

- c. Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP)/PK7.16 dan minit mesyuarat rundingan harga hendaklah ditandatangani oleh kedua-dua pihak;
 - d. Hasil rundingan harga tersebut hendaklah dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Sebut Harga MPC dan sesalinan keputusan dikemukakan secara rasmi kepada MoF dengan menyertakan pecahan terperinci item dan harga yang dipersetujui untuk tujuan rekod;
 - e. MPC bertanggungjawab untuk memastikan syarikat SIRI, syarikat PS dan syarikat LLP bebas daripada sebarang tindakan undang-undang sebelum surat tawaran dikeluarkan;
 - f. MPC bertanggungjawab untuk memastikan ketiga-tiga syarikat yang dilantik mematuhi obligasi kontrak dan memenuhi spesifikasi serta mutu perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - g. MPC hendaklah memastikan syarikat LLP berdaftar dengan MoF sebelum Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan.
4. Memandangkan perolehan ini menggunakan peruntukan Belanja Pembangunan (DE), perolehan ini hendaklah dilaksanakan melalui sistem Perolehan (eP) secara menyeluruh selaras PP/PK5.1/Perenggan 3.1.
5. MPC hendaklah mengambil tanggungjawab sepenuhnya dengan memastikan perolehan ini mencapai objektif dan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik.
6. Kelulusan ini diberikan untuk kali ini sahaja dan tidak boleh dijadikan *precedent* bagi perolehan lain seumpamanya di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(FAWWAZ SYAKIR BIN MOHD ARIFF @ GHAZALI)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.:

YBhg. Dato' Abdul Latif bin Abu Seman

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
SELANGOR

Dato' SBPK

No. Faks: 03-7957 8068

